

PENGAJIAN PASCA SISWAZAH

Nurul Syazana Abdul Halim, Noor Janatun Naim Jemali, Shaparas Daliman, Siti Hajar Ya'acob, Musfiroh Jani, Kamarul Ariffin Hambali, Wani Sofia Udin, Mohammad Muqtada Ali Khan, Siti Aisyah Nawawi, Noor Syuhadah Subki, Norrimi Rosaida Awang, Muhamad Azahar Abas, Mohammed Firdaus Mohd Ridzuan & Mohd Khairul Aizuddin Razali

4.1 Pendahuluan

Penawaran pengajian pascasiswazah adalah sama pentingnya dengan penawaran program akademik prasiswazah. Kedua – duanya adalah bertujuan memartabatkan ilmu pengetahuan dan melahirkan generasi cendekiawan dalam pelbagai bidang terutamanya yang menjurus ke arah perkembangan sains dan teknologi yang berkaitan dengan penerokaan sumber asli dan hasil mineral bumi secara lestari. Justeru, FSB turut memainkan peranan penting dalam mendokong hasrat UMK dengan menawarkan program Ijazah Sarjana Sains (MSc.) dan Doktor Falsafah (Ph.D) yang bermutu dan berupaya menghasilkan profesionalisma untuk keperluan kerjaya masa hadapan. Sehingga kini, program akademik pascasiswazah di FSB meliputi tiga bidang pengajian yang ditawarkan iaitu Sains Sumber Asli (SEN), Sains Kelestarian (SEL) dan Geosains (SEG) di bawah mod penyelidikan bagi program Sarjana Sains dan Doktor Falsafah. Jadual 4.1 menunjukkan rancangan pengambilan dan unjuran pengijazahan bagi program pascasiswazah mod penyelidikan mengikut bidang pengajian yang sedia ada. FSB menasarkankan peningkatan pengambilan pelajar siswazah baik dalam Ijazah Sarjana Sains mahupun Ijazah Doktor Falsafah. Sasaran yang dibuat adalah tidak terlalu drastik dan berlandaskan kepada keupayaan kepakaran dan fasiliti di FSB. Namun, FSB akan terus menambah baik mutu dan fasiliti semasa supaya kadar pengambilan dan pengijazahan pelajar akan terus meningkat atau melebihi sasaran yang ditetapkan. Pertambahan ini dijangka akan terus meningkat disebabkan oleh penawaran program pasca siswazah mod penyelidikan akan selari dengan pertambahan penawaran tiga program akademik baharu peringkat prasiswazah dalam tempoh lima tahun ini.